

KEDIDI PASIR
Common Sandpiper

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Actitis hypoleucos*



CIRI-CIRI

Secara keseluruhan, burung ini berwarna putih di bahagian bawah badan dan coklat muda pada bahagian atas. Pada bahagian muka, terdapat jalur putih yang merentasi mata, dan gelang mata yang berwarna putih. Semasa berehat, dapat diperhatikan ekor burung ini terjungkit ke atas melebihi hujung sayap.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 19 hingga 21 sm. Berat 33.0 - 84.0 g.

MAKANAN

Siput, kerang, udang, ketam, serangga dan ulat.

HABITAT

Spesies ini tinggal di pelbagai jenis tanah lembap, kawasan berlumpur, kawasan sempadan pasang dan surut, kawasan berbatu di tepi pantai, tasik dan sungai hingga ke ketinggian 2,100 m dari paras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi *tsee-wee-wee* atau *swee-swee-swee* yang bernada tinggi dan biasanya dikeluarkan semasa terbang. Kadang-kala ia mengeluarkan bunyi tunggal *sweet* atau *sweeee-eet* yang lebih panjang jika terkejut.

TABIAT

Spesies ini mencari makanan secara berkumpulan sehingga melebihi 1000 ekor.

PEMBIAKAN

Membiaik dalam bulan Mei hingga Jun. Individu betina boleh menghasilkan 4 biji telur.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.

CIRI: Secara keseluruhannya, burung ini berwarna gelap dengan garisan putih yang jelas di bahagian kepek dan bawah ekornya. Selain itu, ia mempunyai ciri seakan-akan perisai di hadapan muka dan paruh yang merah dengan hujungnya yang berwarna kuning. Selain daripada itu, kaki dan jari kakinya juga berwarna kuning. Bagi burung juvenil, bahagian badan atas agak kecoklatan dengan paruh dan juga perisai muka hijau kecoklatan dan warna kaki yang lebih pudar.

SAIZ: Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0 - 38.0 sm. Berat 173 - 493 g.\